

# Sejarah “Raja Tua” dan Mengkabong yang Terletak di Pantai Barat Borneo Utara pada Abad ke-18

## *History of “Raja Tua” and Mengkabong at West Coast of North Borneo in 18th Century*

Yusry Sulaiman<sup>1</sup>, Mosli Tarsat<sup>2</sup>, Rizal Zamani Idris<sup>3</sup> & Mohammad Firdaus Abdullah<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Pelajar Ijazah Sarjana Doktor Falsafah Sains Sosial, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia;

<sup>2</sup> Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia;

<sup>3</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia;

<sup>4</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia;

### Article Progress

Received: 13 July 2022

Accepted: 25 November 2022

Published: 31 May 2023

### \*Corresponding Author:

Yusry Sulaiman, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia;  
Email: yusryjason@gmail.com

**Abstrak:** Terdapat pelbagai versi penceritaan yang dikaitkan dengan asal usul Mengkabong menurut generasi lama yang menetap di Mengkabong secara turun-temurun. Pada tahun 1741, Mengkabong menjadi pengkalan laut utama yang terawal semasa pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin I. Antara individu yang bertanggungjawab untuk menjaga keamanan di kawasan Mengkabong ialah Raja Tua. Raja Tua dilantik sebagai ketua panglima tentera laut di Mengkabong. SOAS I telah menitahkan Raja Tua untuk membina pengkalan laut lalu menyerang, membanteras isu golongan pemburu hamba dan menjaga keamanan di Mengkabong. Kajian ini memfokuskan asal-usul dan peranan Raja Tua sebagai ketua panglima tentera laut di Mengkabong. Raja Tua banyak membantu rakyat di Mengkabong semasa pemerintahan SOAS I. Tambahan pula, Raja Tua telah berjaya mengumpul dan menyatukan bala tentera seperti Bajau dan Dusun demi menjaga keamanan di Mengkabong. Raja Tua melatih empat orang anak yang turut membantunya seperti Embo Ilang, Embo Pat, Embo Kudrat dan Embo Anting. Kajian ini menggunakan beberapa sumber primer, sumber sekunder, temu bual, salasilah dan koleksi peribadi untuk membincangkan asal usul dan peranan Raja Tua di Mengkabong. Selain itu, kajian ini menumpukan kajian lapangan bagi melawat lokasi di Mengkabong seperti makam terbiar dan bekas kubu bagi mengukuhkan fakta yang selari mengikut sumber yang dijelaskan berdasarkan sumber arkib dan koleksi peribadi.

**Kata Kunci:** Asal-Usul, Peranan, Raja Tua, SOAS I, Mengkabong.

**Abstract:** There are various versions of the storytelling associated with the origins of Mengkabong according to the older generations who settled in Mengkabong for generations. In 1741, Mengkabong became the earliest major naval base during the reign of Sultan Omar Ali Saifuddin I. Among the individuals who was responsible for maintaining peace in the Mengkabong area is the Raja Tua. Raja Tua was appointed as the commander-in-chief of the navy in Mengkabong. SOAS I has ordered the Raja Tua to build a naval base and attack, eradicate the issue of slave hunters and maintain peace in Mengkabong. This study focuses on the origins and role of the Raja Tua as the commander-in-chief of the navy in Mengkabong. Raja Tua helped the people in Mengkabong during the reign of SOAS I. He managed to gather and unite Bajau and Dusun ethnics and maintained peace in Mengkabong. Raja Tua also trained four of his children named Embo

Ilang, Embo Pat, Embo Kudrat and Embo Anting to help him governing Mengkabong. This study uses primary sources, secondary sources, interviews, genealogies and personal collections to discuss the origins and role of the Raja Tua in Mengkabong. In addition, this study also involved fieldwork at Mengkabong to see the abandoned tombs and former forts to strengthen the evidence and facts on Mengkabong.

**Keywords:** Origin, Role, Raja Tua, SOAS I, Mengkabong.

## Pengenalan

Asal-usul Mengkabong memaparkan pelbagai kisah dalam usaha untuk mencari penjelasan mengenai kewujudan Mengkabong mengikut penceritaan generasi lama yang sudah lama menetap di Mengkabong secara turun-temurun. Mengkabong merupakan penempatan terawal berbanding kawasan lain di pantai barat Borneo Utara. Sebelum kedatangan kuasa Barat, pemimpin pertama yang menjaga kawasan Mengkabong ialah Raja Tua. Raja Tua merupakan panglima tentera laut yang dilantik oleh Sultan Omar Ali Saifuddin I bagi menjaga kawasan Mengkabong daripada ancaman orang Iranun dan Balangingi. Raja Tua membina pengkalan utama di Pulo Dallas yang menjadi penempatan terawal sebelum wujudnya Mengkabong. Nama sebenar Raja Tua ialah Pengiran Temenggung Amirul Faza Abdul Momin bin Pengiran Bendahara Anak Untong. Raja Tua mempunyai lima orang adik-beradik, iaitu Pengiran Babu Sharbanun, Pengiran Bungsu, Pengiran Ali Akbar, Pengiran Abdul Haris dan Raja Tua. Kesemua adik-beradiknya merupakan anak kepada Pengiran Bendahara Anak Untong yang mempunyai jawatan masing-masing dalam kabinet kerajaan Brunei. Makalah ini akan membincangkan asal-usul dan fungsi Raja Tua di Mengkabong yang terletak di pantai barat Borneo Utara pada abad ke-18.

## Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini lebih memfokuskan kepada kualitatif dengan menggunakan disiplin sejarah. Tumpuan kawasan kajian adalah di kawasan Mengkabong, yang terletak di Tuaran, Sabah. Kajian ini lebih menggunakan sumber primer yang diperoleh melalui kaedah rujukan arkib, seperti Arkib Negeri Sabah. Rujukan perpustakaan yang melibatkan perpustakaan Universiti Malaysia Sabah penting dalam usaha menjejak dokumen rasmi, seperti Fail Colonial Office, surat khabar British North Borneo Herald, dan sumber sekunder yang berkenaan seperti buku dan

karya penulisan catatan yang penting untuk kajian ini. Sebagai contoh, Spenser, Ranjit, Asbol dan sebagainya. Bahan sumber primer yang diperoleh melalui arkib dan koleksi persendirian adalah Fail Colonial Office (C.O) seperti C.O 874/54 dan Salasilah Raja Tua (koleksi peribadi pemilik di Mengkabong). Bukan itu sahaja, kajian ini menggunakan sumber temu bual bersama individu dari keturunan Raja Tua (mengikut salasilah asal) serta orang lama yang menetap di Mengkabong secara turun temurun. Manakala, kajian lapangan dilakukan dengan melawat beberapa lokasi yang berpotensi untuk menjejak tapak-tapak peninggalan bersejarah seperti makam terbiar dan kubu pertahanan yang sudah lama ditinggalkan. Antara kawasan yang dikunjungi adalah seperti kawasan Senorob, Pulo Junkok, Pulo Bengka, Belud Belanga, Pulo Dallas@Dalad dan Buansa di Mengkabong. Walaupun sumber primer mengenai kawasan Mengkabong tidak begitu banyak, namun terdapat beberapa buah keluarga yang membantu kajian ini. Mereka dikatakan dari keturunan Raja Tua.

## Asal-Usul Mengkabong

Menurut Dawi yang merupakan orang lama di kawasan Mengkabong, dahulunya Mengkabong dipanggil "Sekadar" kerana ia merupakan tempat pertemuan antara masyarakat Bajau dan Dusun yang mempraktikkan "sistem barter" bagi menukarkan keperluan masing-masing. Pertemuan tersebut berlaku demi memenuhi keperluan harian mereka seperti kayu api dan mencari sayur-sayuran dan ulam-ulaman (Dawi, 88 tahun). Perkataan "Mengkabong" berasal daripada perkataan "pokok nibong" yang tumbuh melata berdekatan dengan persisiran Teluk Mengkabong di Suang (sungai) Engkabong. Antara penempatan terawal yang wujud sebelum Mengkabong ialah Pulo Dallas, Suang Engkabong, diikuti dengan Bukit Kuta yang menjadi pusat "Mandi Darah" kerana berlaku peperangan besar di antara tentera Iranun dan Balangingi di sepanjang teluk Suang Engkabong (Dawi, 88 tahun). Dalam versi yang lain, asal nama

“Mengkabong” merujuk kepada seorang pahlawan Dusun iaitu "Si Kabong". Si Kabong bersama pengikutnya telah bergabung dengan masyarakat Bajau untuk membuka kawasan Teluk Sungai Mengkabong. Gabungan perkataan “Mengkabong” dipisahkan melalui dua perkataan menjadi satu maksud, iaitu “Mengka” dan “Kabong”, kemudian digabungkan dengan nama pahlawan Dusun tersebut, iaitu "Si Kabong". Perkataan “Mengka” bermaksud membuat pengkalan kapal, manakala "Kabong" adalah nama pahlawan Dusun, maka jadilah nama gabungan sebagai "Mengkabong". Dikatakan selepas peristiwa permusuhan di antara masyarakat Dusun dan Bajau dapat diselesaikan dan keadaan menjadi aman dan damai, mereka meminum darah sesama mereka sebagai simbol persaudaraan. Pada ketika itu, wujudlah perjanjian dalam kalangan mereka dan mereka dianggap bersaudara demi sebuah penyatuan. Di Suang Mengkabong, penggabungan di antara masyarakat Dusun dan Bajau bersatu untuk menyerang masyarakat Iranun dan Balangingi yang rancak menjalankan kegiatan haram seperti memburu hamba dan suka mencetuskan pergelutan di sepanjang Suang Mengkabong (Salleh , 58 Tahun & Dawi 88 tahun, Warren, 2007 & Warren, 2002).

Menurut versi ketiga, "Mengkabong" berasal daripada gabungan beberapa buah kampung seperti Kampung Pensurun, Ensoang, Keruman, Gerinsing, Belud Empalam, Torong Tembiluk (Buansa), Jembulang dan Saman (Salleh, 58 Tahun). Pembukaan kawasan Mengkabong ini dilakukan oleh golongan yang berketurunan Sharif dan Pengiran (Salleh, 58 Tahun). Ini terbukti dengan kewujudan pusara lama yang terdapat di Tanah Perkuburan Kampung Pensurun, Belud Belanga, Senorob, Pulo Bengka, Junkok dan Pulo Dallas yang merupakan tanah perkuburan golongan tersebut. Ini membuktikan kawasan pertapak utama di Mengkabong terletak di Pulo Dallas yang menjadi pusat pengkalan kapal laut utama pada waktu itu (Kajian Lapangan, 29 Januari 2022). Tambahan pula, perkuburan golongan Pengiran dan Sharif terletak di Pulo Senorob, Junkok, Belud Belanga dan Dallas yang masih kekal sehingga hari ini yang juga dikenali sebagai “Syarif berlidah Hitam” iaitu merujuk Raja Tua. Oleh itu, Kampung Mengkabong merupakan pusat pentadbiran dan penempatan terawal di seluruh pantai barat Borneo Utara (Dawi, 88 tahun; Salleh, 58 Tahun; Kajian Lapangan, 29 Januari 2022).

**Rajah 1.** Mengkabong sebelum menjalankan kegiatan timbus penempatan



Sumber: Google Maps, 2014.

### **Raja Tua sebagai Ketua Panglima Tentera Laut di Mengkabong**

Nama sebenar beliau ialah Pengiran Temenggung Amirul Faza Abdul Momin dan juga dikenali sebagai “Raja Tua”. Beliau merupakan Temenggung Laksamana di bahagian perairan dan sungai di Suang Mengkabong. Beliau bertanggungjawab untuk memastikan keamanan kawasan pantai barat Borneo Utara serta mengelakkan sebarang ancaman daripada orang Iranun dan Balangingi. Beliau selalu menang ketika berperang dengan musuh dan beliau menjaga kebajikan rakyatnya di Mengkabong sehingga digelar sebagai Raja Tua di Suang Mengkabong. Pengiran Temenggung Amirul Faza Abdul Momin digelar sebagai Raja Tua kerana beliau agak berusia ketika dilantik sebagai ketua panglima tentera laut di Mengkabong. Kenyataan ini disokong oleh orang tempatan Mengkabong yang juga berketurunan Raja Tua iaitu Sahar bin Haji Piassin. Menurut Sahar, semasa menjaga keamanan di Suang Mengkabong, umur Raja Tua sudah mencecah 50-an atau 60-an tetapi disebabkan sihat, berani dan gagah, beliau tetap dijadikan sebagai pemimpin utama di Suang Mengkabong (Sahar, 62 tahun).

Mengikut penceritaan Awang Zulkifli , Salleh dan Maskan , Suang Mengkabong pernah menjadi suatu penempatan legenda, keramat, mistik dan bersejarah yang amat terkenal suatu ketika dahulu di seluruh pantai barat Borneo Utara kerana pernah menjadi pusat pengkalan atau pelabuhan bagi para nelayan, kapal dagang dan markas perang tentera laut semasa pemerintahan Kesultanan Brunei pada abad ke-18. Antara tempat yang dijadikan sebagai pusat pengkalan utama ialah Tanjung Dallad atau Dalas (Torung Dallas) ataupun Pulo Dallas@ Dalad. Kemudian, nama

tersebut ditukar kepada Mengkabong (Suang Engkabong). Semasa pentadbiran wilayah Kesultanan Brunei di Suang Mengkabong, Raja Tua dipertanggungjawabkan menjaga keamanan di kawasan Sungai Tulen dan Sungai Kuripan di pantai barat Borneo Utara, seperti Tempasuk, Abai, Pandasan, Ambong, Sulaman, Tuaran, Tambalang, Darau, Menggatal, Inanam, Likas, Api Api, Simbulan, Tanjung Aru, Putatan, Kinarut, Kawang dan Penggalat Papar atas dasar kedudukan dan penempatan angkatan tentera Bajau dari Johor pada ketika itu (Salleh 58 Tahun & Awang Zulkifli 61 tahu & Maskan 58 tahun & Pehin Jamil, 1999 & Hasbol, 2011 & Gerlich, 2003).

Pada penghujung abad ke-18, Raja Tua telah dititahkan oleh Sultan Omar Ali Saifuddin I (Sultan Brunei ke 18) untuk berangkat ke Suang Mengkabong untuk memerangi orang Balangingi dan Iranun yang mempunyai hubungan baik dengan Sharif Usman, Kesultanan Sulu dan Kesultanan Magindanau (Gerlich, 2003 & Warren, 2007 & Warren, 2002). Masyarakat Balangingi dan Iranun bermaharajalela di sepanjang perairan dan perkampungan Suang Mengkabong dengan membakar rumah orang kampung serta membawa lari ahli keluarga dan ternakan penduduk dari Suang Mengkabong (Kajian lapangan ke Pulo Junkok 28 March 2022 & Warren, 2007 & Warren, 2002). Terdapat beberapa ahli keluarga penduduk di Suang Mengkabong dijual sebagai hamba abdi yang dihantar ke beberapa tempat seperti Tawi Tawi dan Jolo kepulauan Filipina (Kajian lapangan ke Pulo Junkok 28 March 2022 & Warren, 2007 & Warren, 2002). Pada masa yang sama, ada beberapa orang golongan pembesar tempatan yang dilantik oleh SOAS I untuk memerangi Sharif Usman yang berkuasa di Kota Marudu serta cuba untuk melepaskan diri daripada pengaruh Kesultanan Brunei. Beliau mendapatkan sokongan Kesultanan Sulu. Terdapat catatan sejarawan seperti Bianca dan Hasbol mengatakan bahawa Sharif Usman mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan Pengiran Yusof (musuh Raja Tua), yang dikatakan agak rapat dengan golongan istana Kesultanan Brunei (Ismail Ali, 2010 & Gerlich, 2003). Hal ini menyebabkan Pengiran Yusof dan Sharif Usman mahu meluaskan kuasa dan pengaruh dari Kota Marudu sehingga ke seluruh Borneo Utara dengan menggunakan bantuan Kesultanan Sulu bagi menghapuskan Kesultanan Brunei di pantai barat Borneo Utara. Oleh itu, Sultan Brunei menghantar Raja Tua untuk mengetuai angkatan bersenjata di kawasan darat dan laut. SOAS I menitahkan Raja Tua untuk menghalang penguasaan dan pengaruh Sharif Usman dan Pengiran Yusof. Raja Tua telah mengetuai

angkatan tentera laut yang sangat kuat dan digeruni sehingga beliau mendapat gelaran Raja Laut (Pehin Jamil, 1999).

Raja Tua telah mempersiapkan angkatan perang dengan mengarahkan rakyat untuk menyertai angkatan perang Brunei bagi melancarkan serangan terhadap Sharif Usman demi keselamatan Kerajaan Kesultanan Brunei. Raja Tua mengawasi kegiatan perdagangan di seluruh wilayah Kesultanan Melayu Brunei dan negara Nusantara lain, dengan dibantu oleh Pengiran Syahbandar dan ketua-ketua tempatan. Raja Tua juga memainkan peranan dalam melaksanakan undang-undang seperti yang diperintahkan oleh Sultan. Beliau berkuasa menangkap mana-mana individu yang melakukan kesalahan dan seterusnya menjatuhkan hukuman ke atas mereka. Selain itu, Raja Tua juga bertanggungjawab dalam pentadbiran agama Islam. Beliau dibantu oleh golongan Sharif, Menteri Agama, Datuk Imam, Si Raja Khatib, Udana Khatib, serta segala khatib dan mudim (Pehin Jamil, 1999).

Di samping itu, Raja Tua berperanan dalam menjaga kebajikan masyarakat, anak-anak yatim dan golongan yang tertindas. Dalam menjalankan tugasnya, Raja Tua dibantu oleh 8 orang ceteria (ahli kerabat diraja Brunei) dan 8 orang menteri, termasuklah Orang Kaya Syahbandar, Orang Kaya Setia Pahlawan, Orang Kaya Hamzah Pahlawan, Orang Kaya Amar Pahlawan, Orang Kaya Johan Pahlawan, Pateh dan Damong mudim (Pehin Jamil, 1999). Catatan Forrest (1776) menyatakan bahawa masyarakat Bajau di Mengkabong adalah golongan nelayan yang gigih mencari hasil laut. Mereka berasal dari Johor iaitu dari sebelah timur Selat Melaka. Mereka suka tinggal berdekatan dengan laut dengan mendirikan rumah di atas air dan biasanya di muara sungai, menggunakan tiang-tiang kecil. Di Mengkabong sahaja ketika itu, masyarakat Bajau telah mengumpul sehingga 2000 orang angkatan tentera, 1000 orang di Mengkabong, 600 orang di Tempasuk, 400 orang di Pandasan dan selebihnya dari Abai, Ambong dan Sulaman.

Tanggungjawab Raja Tua bukan saja menjaga wilayah jajahan Brunei, bahkan menjaga Sungai Tulin Mengkabong dan keseluruhan wilayah jajahan Kesultanan Brunei (.C.O 874/54 & C.O 874/54).

Berdasarkan peta Mengkabong, berhampiran dengan Sungai Tuaran terdapat sebuah kawasan bernama Indai. Indai merupakan kubu kuat masyarakat Dusun yang tidak kurang hebatnya dari segi kekuatan, kepercayaan mistik dan paranormal. Masyarakat Dusun mempunyai sejarah perang menentang pelbagai etnik yang dipanggil Misangod Random sehingga kubu

mereka penuh dengan darah. Masyarakat Dusun Lotud juga berjaya menyerang masyarakat Iranun dengan memotong kepala orang Iranun di Sungai Tuaran sehingga masyarakat Iranun terpaksa berpindah ke kawasan Tempasuk (Rutter, 2008 & Shim, 2007 & Rhelan, 2001 & Bock, 1985). Masyarakat Bajau dan Dusun Lotud mengadakan perjanjian kerjasama dan sumpah sesama kaum selain mempunyai ikatan kekeluargaan melalui perkahwinan antara beberapa keluarga melibatkan dua golongan masyarakat tersebut (Rutter, 2008; Shim, 2007; Rhelan, 2001; Bock, 1985). Raja Tua di Mengkabong juga menghormati adat tempatan, iaitu perjanjian perkahwinan. Beliau telah berkahwin dengan seorang gadis dari Mengkabong dan mempunyai beberapa orang anak lelaki yang pintar dan masyhur, bernama Embo Pat, Embo Kudrat, Embo Ilang (Embo) dan Embo Tugu yang menjadi pembesar dan pahlawan hebat dan gagah perkasa yang sentiasa bersedia, taat setia memerangi musuh Kesultanan Brunei di seluruh wilayah jajahan dan nusantara (lihat Salsilah keluarga).

Mengikut susur galur salasilah keluarga Raja Tua yang masih ada sekarang, Dawi, Salleh, Awang dan Sahar merupakan keturunan Raja Tua yang sah di Mengkabong. Penempatan Raja Tua di Mengkabong yang strategik terletak di Pulau Junkok, yang sesuai dijadikan sebagai pusat pengumpulan angkatan tentera di antara masyarakat Dusun dan Bajau. Pulau Junkok juga dikenali sebagai "Kubu Mandi Darah" kerana di kawasan itu pernah berlaku peperangan di antara masyarakat Dusun dan Bajau. Seterusnya, Raja Tua berjaya menghalang pelbagai serangan musuh dan menghentikan rancangan peluasan kawasan dan pengaruh Sharif Usman serta Sultan Sulu di kawasan lain di Borneo Utara. Beliau berjaya menjadikan Mengkabong sebagai sebuah benteng pertahanan yang kukuh dan ramai yang terkorban telah dikenang dan dijulang sebagai pejuang bangsa dan negara. Hal ini kerana, mereka telah berjuang mempertahankan ibu negara Brunei daripada serangan tentera Balingingi, Iranun dan Sulu (Pehin Jamil 1999 & Singh, 2011 & Hasbol, 2011 & Gerlich, 2003).

Raja Tua tidak berpuas hati dengan hanya mempertahankan Mengkabong daripada serangan musuh. Berdasarkan cerita lisan golongan tua Mengkabong yang masih mengingati peristiwa silam, mereka mengatakan bahawa Raja Tua sendiri melancarkan serangan balas dengan menghantar angkatan tentera Mengkabong yang diketuai oleh anak-anaknya untuk membalas serangan musuh sehingga ke kawasan perairan di bawah penguasaan Sharif Usman, Kesultanan Sulu, Kesultanan Magindanau di Filipina

serta kawasan Limbang, Mukah, Oyah dan Sambas di Sarawak (Ismail Ali, 2010; Warren, 2007; Warren, 2002; Hasbol, 2011; Gerlich, 2003). Menurut satu legenda, pernah dikatakan bahawa apabila pihak musuh masuk ke kawasan sungai Mengkabong dengan niat yang tidak baik, maka mereka akan gagal mencari jalan keluar sehingga mereka menjadi kaku dan keras. Ketika itu, pihak musuh terpaksa bersumpah untuk tidak lagi mencetuskan kekacauan dan datang semula ke kawasan Mengkabong. Ada antara mereka yang dibebaskan dan yang lain mati dibunuh oleh tentera Mengkabong (Pehin Jamil 1999 & Singh, 2011 & Hasbol, 2011 & Gerlich, 2003).

Menurut Awang, Salleh, Dawi dan Maskan, Raja Tua menghantar tentera dan pahlawan Mengkabong untuk berperang menentang tentera Sepanyol. Raja Tua juga dikatakan mempunyai seorang anak angkat (Embo Kudrat) daripada golongan bangsawan Kesultanan Mangindanau yang dididik oleh beliau menjadi seorang panglima utama yang terkenal dan akhirnya menjadi seorang Raja dan Sultan di Kesultanan Magindanau (Dawi, 88 tahun; Salleh, 58 Tahun; Awang Zulkifli, 61 tahun; Maskan, 58 tahun). Pengiran Temenggung Amirul Fazza Abdul Momin (Raja Tua) apabila dititahkan untuk pergi berperang di Mengkabong sebenarnya mempunyai isteri dan ramai anak yang ditinggalkan di ibu negara Brunei seperti Pengiran Bendahara Alliuddin, Raja Tua Pengiran Abdul Rajid, Pengiran Maharaja Dinda, Pengiran Abdul Naji, Pengiran Abdul Wali, Pengiran Amir Abas, Pengiran Abdul Jalil, Pengiran Jaga, Pengiran Jariah, Pengiran Isteri Ghandi dan Pengiran Abdul Ghafur. Raja Tua berbakti di Mengkabong dan tidak dapat kembali ke Brunei serta tidak dapat berjumpa dengan anak-anak serta sanak saudara yang dikasihi dan dirindui atas dasar pengorbanan dan kesetiaan melaksanakan titah Sultan (Pehin Jamil, 1999).

Selain itu, Raja Tua cuba memenuhi titah tuanku Sultan Omar Ali Saifuddin I, memerangi musuh negara dan memastikan tiada rakyat yang ditimpa kesusahan akibat serangan musuh. Perjuangannya disambung oleh Embo Ilang, iaitu anak kepada Raja Tua. Jasa besar Raja Tua adalah berjaya menyatupadukan penduduk Mengkabong dan seluruh wilayah jajahannya dari pelbagai lapisan masyarakat sama ada Brunei, Bajau dan Dusun, agar sama-sama berjuang menentang angkatan tentera musuh dari dalam dan luar Borneo Utara (Pehin Jamil, 1999). Perjuangannya disambung oleh anak-anak beliau seperti Embo Ilang, Embot Pat, Embo Kudrat dan Embo Anting (Lihat Salasilah). Mereka sebenarnya berjaya mempertahankan kawasan Suang Mengkabong sahaja, tetapi jasa Pengiran

Temenggung Amirul Faza Abdul Momin adalah amat besar kerana beliau berjaya menyatupadukan atau menggabungkan penduduk di Suang Mengkabong dan seluruh wilayah jajahannya tidak kira bangsa, etnik dan agama. Beliau mendapat kepercayaan untuk memimpin dan menjaga kawasan Suang Mengkabong oleh orang Brunei, Bajau, Dusun, Kadazan, Iban dan Dayak agar sama-sama berjuang menentang angkatan tentera musuh dari dalam dan luar Borneo Utara.

Antara penemuan penting kajian ini ialah bukti tentang kewujudan pengkalan utama bagi markas angkatan perang tentera laut (Naval Based) yang bernama Tanjung Dallad atau Dalas, yang kini lebih dikenali sebagai Mengkabong (Suang Engkabong). Pengkalan tersebut merupakan pusat pengumpulan tentera laut terutamanya masyarakat Bajau dari setiap pantai barat Borneo Utara seperti Sembulan, Putatan, Tempasuk, Sulaman, Tambalang, Darau, Menggatal, Inanam, Likas, Api Api, Sembulan, Tanjung Aru, Putatan, Kinarut, Kawang, Papar Penggalat Diki dan Pengalat Oyo. Dalam wilayah pemilikan tradisional Brunei, Sungai Tulin di Mengkabong adalah dipertanggungjawabkan kepada Raja Tua. Sungai Tulin meliputi beberapa seperti Sulaman, Tambalang, Darau, Menggatal, Inanam, Likas, Api Api, Sembulan, Tanjung Aru, Putatan, Kinarut, Kawang, Papar, Penggalat Diki dan Pengalat Oyo. Manakala, Sungai Kuripan di pantai barat Borneo Utara meliputi kawasan seperti Tempasuk, Abai, Pandasan, Ambong dan Tuaran (C.O 874/54, Perjanjian hak Kedaulatan Membakut, Api-Api, Kuala Lama, Inanam, Menggatal dan Mengkabong 23 Mac 1898; C.O 874/54, Grant of Mengkabong. 20 Mac 1898; C.O 874/54 Grant by Sultan of Brunei of Territory the Sulaman River to the River of Paitan, 29 Disember 1877; C.O 874/54, Menggatal, Mengkabong, Api-Api, Simbulan, Nafas dan Tambalang River, 23 Mac 1898; C.O 874/55 Status Pemajakan Sungai Mengkabong, Karambunai, Kabatuan, Napas dan Sembulan). Mengikut penempatan terawal bagi masyarakat Bajau yang berhijrah di kawasan pantai barat Borneo Utara seperti Sulaman, Tambalang, Darau, Menggatal, Inanam, Likas, Api Api, Sembulan, Tanjung Aru, Putatan, Kinarut, Kawang, Papar, Penggalat Diki dan Pengalat Oyo, yang berasal dari Johor-Riau disebut sebagai Orang Laut. Mereka merupakan angkatan tentera laut yang diamanahkan oleh Raja Tua (Thomas Forrest, 1776).

Menurut catatan, Mengkabong dan Tempasuk merupakan dua pelabuhan utama masyarakat Bajau pada abad ke-18 dan 19. Mereka mendiami beberapa buah kawasan di sepanjang persisiran pantai barat

sehingga sebelah pantai timur, Borneo Utara. Tambahan pula, masyarakat Bajau merupakan salah satu masyarakat yang terkenal menjalankan aktiviti melanun yang digeruni dan mahir dan jarang sekali mereka membiarkan sebarang peluang yang baik pergi begitu saja (Spenser, 1862). Masyarakat Bajau, dikenali sebagai mempunyai sikap yang gemar melanggar peraturan atau undang-undang (Spenser, 1862).

Selain itu, menurut versi Rutter, sekumpulan masyarakat Bajau di Mengkabong telah berlayar ke Pulau Banggi dan berlabuh di hadapan sebuah perkampungan. Mereka berniaga dengan penduduk kampung. Mereka juga amat gemar mencari sejenis hidupan laut seperti gamat atau tripang sebagai makanan dan barangan jualan. Selepas selesai mengurus niaga dengan penduduk kampung, mereka bersurai dan dengan segera mencari hidupan laut seperti gamat atau tripang di kawasan sekitar Pulau Banggi. Namun, dikatakan secara tiba-tiba masyarakat Bajau dari Suang Mengkabong menyerang lalu membunuh serta mengusir semua orang lelaki di Pulau Banggi tersebut dan menangkap seramai 28 orang perempuan dan kanak-kanak. Peristiwa ini menjadi perbualan hangat pada zaman itu. Masyarakat Bajau Mengkabong berjaya melarikan seorang gadis cantik yang tengah bersiap sedia untuk berkahwin dan memakai pakaian dan perhiasan tradisi (Rutter, 2008). Hal ini juga disebut oleh Spenser. Gadis itu akhirnya dijual kerana dianggap sungguh berharga untuk dimiliki oleh seorang lelaki sahaja dan peristiwa ini agak berbeza daripada amalan orang zaman itu. Mengikut adat resam rampasan, biasanya gadis ini akan menjadi milik orang yang merampasnya dari kampung tersebut. Ironinya, kisah ini memperlihatkan penduduk Pulau Banggi dan Mengkabong kedua-duanya adalah rakyat Kesultanan Brunei. Hal dalam serangan tersebut, seorang pembesar Brunei telah berkata "kami berharap orang Mengkabong dekat dengan Brunei supaya kami pun boleh ikut serta dan mendapat bahagian dalam serangan tersebut" (Spenser, 1862).

## Kesimpulan

Kajian mendapati Suang Mengkabong merupakan sebuah wilayah berdaulah semasa pemerintahan Kesultanan Brunei tradisional sebelum kedatangan BNBC. Wilayah Suang Mengkabong berada di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei semasa pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin I yang menghantar wakil baginda iaitu Raja Tua untuk menjaga kawasan tersebut demi mengelakkan pelbagai serangan daripada

masyarakat Iranun dan Balangingi. Sumbangan Raja Tua amat besar bagi masyarakat Bajau dan Dusun yang berjaya disatukan demi mempertahankan keselamatan daripada serangan musuh seperti Iranun dan Balangingi di Suang Mengkabong. Tidak hairanlah Raja Tua dikenali sebagai ketua angkatan tentera laut dan darat. Selepas beliau meninggal dunia, beliau digantikan oleh anaknya, iaitu Embo Ilang (Datu Syed) untuk meneruskan legasi Raja Tua menjaga keamanan di Mengkabong (lihat Salasilah). Raja Tua disegani oleh masyarakat Dusun dan Bajau. Beliau meninggal dunia dan dimakamkan di Pulo Junkok dan masih dikenali sebagai makam Pengiran Temenggong Amirul Faza Abdul Momin (Raja Tua) sehingga hari ini (lihat lampiran). Kajian ini penting untuk menambahkan ilmu pengetahuan tentang sejarah tempatan serta mengenali tokoh-tokoh yang berjasa dalam sejarah. Kajian ini juga mencadangkan agar kajian lanjut dijalankan mengenai sejarah asal-usul sesebuah tempat di pantai barat, terutamanya semasa zaman kesultanan Brunei.


**Rajah 2.** Warna Biru Mengkabong dan Warna Kuning Tuaran




Sumber:


<https://www.loc.gov/resource/g8033s.ct001930/?r=0.443,0.197,0.111,0.044,0> A Map British North Borneo


**Rajah 3.** Salahsilah Raja Tua, Embo Ilang, Embo Anting, Embo Ain, Embo Pun Di Mengkabong pantai barat Borneo Utara mengikut versi orang Tua (I)











**Sumber Diubahsuai:** Kajian Lapangan 29 Januari 2022 Senorob, Belud Belanga dan Pulo Dallas; Kajian lapangan ke Pulo Junkok 28 Mac 2022; dan koleksi pemilik peribadi di Raganan Mengkabong; Dawi (Lawah) Bin Utuh- 88 tahun, Kampung Mengkabong; Salleh Bin Mamun- 58 Tahun, Kampung Lok Batik Tuaran, 20 Mac 2022.; Maskan Bin Hj Rasta- 58 tahun, Kampung Mengkabong Tuaran, 20 Mac 2022; Sahar Bin Hj Piassin- 62 tahun, Kedai Jawa Sembulan Lama, Kota Kinabalu Sabah, 18 Januari 2022; Awang Zulkifli bin Nawawi, 61 tahun, Kampung Raganan Mengkabong 16 Februari 2022; Awang Mohammad Jamil Al-Sufri, Pengiran Temenggong Raja Tua Abdul Momin Amirul Faza, *PUSAKA*, Bil, 9, 1999.

Tanda : **Warna pirus** ( Anak Datu Jubal) Datu Jubal mempunyai dua isteri

**Warna Kuning** ( Embo Anting)

**Warna Hijau** (Anak Embo Ilang)

**Warna Kelabu** (Anak Utoh Payang)

**Warna Unggu** ( Embo Pun)

## Rujukan

Bock, C. (1985). *The Headhunters of Borneo*. Oxford Universities Press.

C.O 874/54 Grant by Sultan of Brunei of Territory the Sulaman River to the River of Paitan, 29 Disember 1877.

C.O 874/54, Grant of Mengkabong 20th Mac 1898.

C.O 874/54, Menggatal, Mengkabong, Api-Api, Simbulan, Nafas dan Tambalang River, 23 Mac 1898.

C.O 874/54, Perjanjian hak Kedaulatan Membakut, Api-Api, Kuala Lama, Inanam, Menggatal dan Mengkabong 23rd Mac 1898.

C.O 874/55 Status Pemajakan Sungai Mengkabong, Karambunai, Kabatuan, Napas dan Simbulan.

Forrest, T. (1776) . *A Voyage to New Guinea and The Moluccas from Balambangan: Including an Account of Magindanao, Sooloo and Other Island*. G.Scott.

Gerlich, B. M. (2003). *Marudu 1845: The Destruction and Reconstruction of a Coastal State in Borneo*. Abera.

Haji Hasbol bin Haji Mail. (2011). *Kesultanan Brunei Abd ke-19*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

A Map British North Borneo.  
[https://www.loc.gov/resource/g8033s.ct001930/?r=0.443\\_0.197,0.111,0.044,0](https://www.loc.gov/resource/g8033s.ct001930/?r=0.443_0.197,0.111,0.044,0)

Ismail Ali. (2010). *Viking Timur di Kepulauan*. Penerbit UMS.

John, S. S. (1862). *Life in the Forest of the Far East Vol. I*. Smith, Elder and CO

Pehin Jamil Al Sufri. (1999). Pengiran Temangong Raja Tua Abdul Momin Amirul Faza, *PUSAKA*, 9.

Phelan, P. (2001). *The Head Hunting and The Magang Ceremony in Sabah*. Opus Publication.

Rutter, Owen. (2008). *British North Borneo*. Opus Publication.

Shim, P.S. (2007). *In land People of Sabah*. Borneo Cultural Heritage.

Singh, Ranjit. (2011). *The Making of Sabah*. Bahagian Kabinet dan Dasar.

Warren, J. F. (2002). *Iranun and Balangingi*. NUS.

Warren, J. F. 2007. *The Sulu Zone*, NUS: Singapore.

## Kajian Lapangan

**Atin bin Sad jurupandu membawa ke makam Raja Tua di Pulau Junkok; Kajian lapangan ke Pulo Junkok 28 Mac 2022**





Sumber: Google Maps

**Dawi bin Utuh bin Jika bin Sarinyo@Senulian<sup>1</sup>**



<sup>1</sup> Dawi (Lawah) Bin Utuh- 88 tahun, Kampug Mengkabong. Beliau merupakan anak jati Kampung Mengkabong dan juga merupakan bekas Ketua Kampung Mengkabong. Beliau memegang jawatan Ketua Kampung selama 38 tahun dan anak kepada Utuh Bin Jika yang juga bekas ketua kampung di Mengkabong. Beliau pernah dilantik sebagai ketua pemuda USNO di kawasan Tuaran Laut ( Mengkabong) pada 1955 sehingga 1962.

<sup>2</sup> Awang Zulkifli bin Nawawi, 61 tahun, Kampung Raganan Mengkabong 16<sup>th</sup> Februari 2022. Beliau adalah cucu Bidin bin Embo Ain dan juga merupakan keturunan Jalur Embo Ilang yang merupakan pahlawan yang disegani di Mengkabong (lihat Salasilah). Awang Zulkifli adalah satu-satunya berdarah keturunan asal daripada Raja Tua yang masih menyimpan

**Awang Zulkifli bin Nawawi bin Budin bin Embo Ain bin Embo Ilang; Awang Zulkifli bin Nawawi<sup>2</sup>**



**Jurupandu tempatan di Mengkabong, Maskan<sup>3</sup> dan Salleh<sup>4</sup> untuk pergi ke Pulau Senorob**



salasilah dan koleksi peribadi yang masih dipegang sehingga hari ini. Oleh itu, beliau juga merupakan bekas pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Kota Kinabalu Sabah.

<sup>3</sup> Maskan Bin Hj Rasta- 58 tahun, Kampung Mengkabong Tuaran, 20 Mac 2022. Beliau Bekerja Sendiri dan jurupandu tempatan bagi mengetahui sejarah dan warisan tempatan di Mengkabong.

<sup>4</sup> Salleh Bin Mamun 58 Tahun, Kampung Lok Batik Tuaran, 20 Mac 2022. Beliau merupakan Guru Besar di Sekolah Kebangsaan Nongkulod, Tuaran. Tambahan pula, beliau berasal Mengkabong, Tuaran dan merupakan jurupandu tempatan terpenting bagi mengetahui tentang sejarah dan warisan tempatan di Mengkabong.

### Makam Syarif dan anak kepada Raja Tua



### Petunjuk warna Jingga adalah Belud Belanga Petunjuk warna Biru adalah Pulo Dallas



### Makam Syarif di Belud Belanga Mengkabong



### Sahar bin Haji Piassin bin Datu Jubal bin Utoh Payang bin Embo Anting<sup>5</sup>



### Pulo Dallas @Pulo Dalad



<sup>5</sup> Sahar Bin Hj Piassin, 62 tahun, Kedai Jawa Sembulan Lama, Kota Kinabalu Sabah, 18 Januari 2022. Beliau adaah anak kepada Hj Piassin Bin Jubal yang merupakan bekas Ketua Kampung Sembulan dan berasal daripada Mengkabong Tuaran. Sebagai Ketua Kampung, Hj Piassin telah memegang jawatan tersebut dan menguasai tiga buah kampung Sembulan iaitu Sembulan Lama, Sembulan Tengah dan Sembulan Baru. Tempoh beliau memegang jawatan sebagai Ketua Kampung di

Sembulan selama 1982 sehingga 1993. Tambahan lagi, beliau mahir dalam ilmu perubatan tradisional bagi tujuan membantu kepada orang yang memerlukan. Akhir sekali, Sahar bin Hj Piassin merupakan anak jati Sembulan yang banyak berpengetahuan serta berpengalaman tentang sejarah tempatan di Sabah. Beliau adalah bekas kerja dalam sektor pelancongan swasta di Perlabuhan Jesselton Point Kota Kinabalu.